Pendakwa Raya lwn Azmani bin Che Rose

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO W-05-53 TAHUN 2008
AHMAD MAAROP, CLEMENT SKINNER DAN APANDI ALI HHMR
27 OKTOBER 2011

Keterangan — Keterangan ikut keadaan — Kesimpulan daripada fakta-fakta — Sama ada tertuduh memiliki pasu-pasu yang tertanam dengan pokok-pokok kanabis — Sama ada tertuduh mempunyai kawalan dan pemilikan rumah — Sama ada tertuduh mempunyai obligasi untuk membuat pendedahan — Sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie — Sama ada keputusan hakim bicara membebaskan dan melepaskan tertuduh tanpa dipanggil membela diri betul

Undang-Undang Jenayah — Dadah berbahaya — Pemilikan — Pengedaran 1,939g kanabis — Pokok-pokok kanabis — Dadah dan pasu yang ditanam pokok-pokok kanabis dijumpai di rumah tertuduh — Pemilikan (possession) — Sama ada tertuduh mempunyai milikan atas dadah tersebut — Sama ada pokok-pokok kanabis ditanam oleh tertuduh — Sama ada pemilikan dan pengetahuan tentang dadah dibuktikan — Sama ada kes prima facie — Sama ada pihak pendakwaan membuktikan kes terhadap tertuduh melampaui keraguan munasabah — Akta Dadah Berbahaya 1952 s 6B(4)

Tertuduh, Azmani, telah dituduh dengan dua pertuduhan seperti berikut: pertuduhan pertama, mengedar 1,939g kanabis di rumah No 32A-2–14, Kelab Le Chateau Lorong Syed Putra Kiri, Kuala Lumpur ('rumah tersebut'), dan pertuduhan kedua, menanam pokok-pokok kanabis di rumah tersebut. Kedua-dua pertuduhan tersebut telah dibicarakan bersama-sama dalam satu perbicaraan. Di akhir kes pihak pendakwaan, hakim bicara mendapati pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes prima facie bagi kedua-dua pertuduhan tersebut dan telah melepas dan membebaskan tertuduh dari kedua-dua pertuduhan tersebut. Pendakwa raya telah mengemukakan rayuan ke mahkamah ini. Timbalan pendakwa raya ('TPR') berhujah bahawa hakim bicara terkhilaf kerana mengasaskan keputusannya itu semata-mata kepada keterangan SP9 yang menurut TPR adalah goyah. TPR berhujah bahawa hakim bicara sepatutnya telah mengambilkira keterangan pegawai penyiasat ('SP11') yang menyatakan bahawa berdasarkan kepada siasatannya hanya tertuduh dan SP9 yang tinggal di rumah tersebut. TPR berhujah bahawa tertuduh mempunyai kawalan dan pemilikan rumah tersebut pada masa yang material. TPR juga berhujah bahawa hakim bicara gagal menimbangkan fakta bahawa semasa SP11 menjalankan penyiasatannya, tertuduh tidak pernah

memberitahu SP11 bahawa ada penyewa-penyewa kecil bernama Halim dan Asmadi yang tinggal di rumah tersebut. A

Diputuskan, menolak rayuan kedua-dua pertuduhan:

(1) Keterangan SP11 tidak membantu kes pihak pendakwaan dalam membuktikan pertuduhan terhadap Azmani. Seterusnya, Azmani tidak ada obligasi untuk membuat pendedahan tersebut. Azmani berhak berdiam diri. Mungkin kegagalan Azmani membuat pendedahan tersebut akan menjejaskan berat keterangannya apabila dia memberikan jika tiba masanya nanti, tetapi *inference of guilt* tidak boleh dibuat terhadapnya kerana tidak membuat pendedahan tersebut (lihat perenggan 9). B C

(2) Keterangan yang lebih penting ialah keterangan SP9. Berdasarkan kepada keterangan SP9, Halim dan Madi bukanlah watak-watak yang timbul dalam angan-angan semata-mata. Walaupun dalam keterangannya dalam pemeriksaan semula, SP9 menyatakan bahawa dia tidak pasti bahawa bilik A adalah bilik Halim dan bilik C adalah bilik Madi, dari keterangan SP9 dalam pemeriksaan balas kemungkinan bahawa bilik A adalah bilik Halim, dan bilik C adalah bilik Madi tidak dapat ditolak (lihat perenggan 11). D E

(3) Walaupun Azmani adalah orang yang menyewa rumah tersebut, kemungkinan bahawa bilik A (di mana dua ketulan mampat kanabis ditemui) adalah bilik Halim atau sekurang-kurangnya bilik yang Halim mempunyai akses tidak dapat ditolak. Dalam keadaan sedemikian, timbul keraguan yang munasabah sama ada Halim (bukan Azmani) yang mempunyai kuasa untuk mengenepikan orang lain dari berurusan dengan dua ketulan mampat ganja tersebut. Ertinya, terdapat keraguan yang munasabah sama ada Azmani memiliki dadah tersebut. Oleh kerana terdapat keraguan yang munasabah dalam kes pihak pendakwaan sendiri maka satu kes prima facie telah gagal dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Hakim bicara telah membuat keputusan yang betul dalam melepas dan membebaskan Azmani dari tuduhan pertama tanpa memanggilnya untuk membela diri (lihat perenggan 11–12). F G

(4) Tiada keterangan menunjukkan bahawa SP5 dan pasukannya perlu memecahkan mana-mana pintu bilik atau menggunakan kunci untuk membuka pintu mana-mana bilik tersebut sebelum mereka boleh memasuki bilik berkenaan. Ini menunjukkan bahawa bilik-bilik tersebut tidak berkunci. Dalam keadaan yang sedemikian kemungkinan bahawa Halim dan Madi serta SP9 juga mempunyai akses kepada bilik-bilik dalam rumah tersebut termasuk bilik B tidak boleh diketepikan. Terdapat keraguan yang munasabah sama ada Azmani mempunyai milikan pasu-pasu tersebut. Oleh demikian hakim bicara telah membuat keputusan yang betul (lihat perenggan 18). H I

[English summary

The accused, Azmani, was charged with two charges as followed: the first charge, trafficking of 1,939g cannabis in house No 32A-2–14, Kelab Le Chateau Lorong Syed Putra Kiri, Kuala Lumpur ('the house'), and the second charge, planting of cannabis plants in the house. Both charges were jointly tried in one trial. At the end of the prosecution case, the trial judge found the prosecution had failed to establish a prima facie case for both offences and had acquitted and discharged the accused from both charges. The prosecution filed an appeal to this court. The deputy public prosecutor ('DPP') submitted that the trial judge had erred for having based his decision merely on the evidence of SP9 which according to the DPP was weak. The DPP contended that the trial judge should have considered the investigating officer's ('SP11') evidence which stated that based on his investigation only the accused and SP9 were staying in the house. The DPP contended that the accused had the control and possession of the house at the material time. The DPP also contended that the trial judge had failed to consider the fact that when SP11 was conducting his investigation, the accused never told SP11 that there were sub-tenants by the name of Halim and Asmadi staying in the house.

Held, dismissing the appeal for both charges:

(1) SP11's evidence did not help the prosecution's case in establishing the charge against Azmani. Further, Azmani did not have the obligation to make the disclosure. Azmani had the right to remain silent. Maybe the failure of Azmani to make the disclosure would damage the weight of his evidence when he actually made the disclosure when the time arrived, but the inference of guilt could not be drawn against him as no disclosure was made (see para 9).

(2) The more important evidence was SP9's. Based on SP9's evidence, Halim and Madi were not the characters which arise out of nowhere. Although in his evidence during re-examination, SP9 stated that he was not sure that room A was Halim's room and room C was Madi's room, from SP9's evidence in re-examination the possibility that room A was Halim's room, and room C was Madi's room could not be rejected (see para 11).

(3) Although Azmani was the person who rented the house, the possibility that room A (where two compressed slabs of cannabis found) was Halim's room or at least the room that Halim had access to could not be denied. In such a situation, there existed reasonable doubt as to whether Halim (not Azmani) who had the power to refuse other persons from dealing with the two compressed slabs of cannabis. That meant, there was reasonable doubt as to whether Azmani had the drugs. As there was reasonable doubt in the prosecution case itself therefore a prima facie case was not proved by the prosecution. The trial judge made a correct

decision in acquitting and discharging Azmani from the first charge without calling him to defend himself (see paras 11–12).

(4) There was no evidence to show that SP5 and his police party needed to break any of the room door or use keys to open any of the room door before they could enter the room. This showed that the rooms were not locked. In such a situation, the possibility that Halim and Madi as well as SP9 also had access to the rooms in the house including room B could not be denied. There was reasonable doubt as to whether Azmani had possession, of the vases. Therefore, the trial judge had made the right decision (see para 18).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai pemilikan, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 181.

Untuk kes-kes mengenai kesimpulan daripada fakta-fakta, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2011 Reissue) perenggan 778–790.

Kes-kes yang dirujuk

Alcontara a/l Ambross Anthony v PP [1996] 1 MLJ 209, MP (dirujuk)
Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, MP (dirujuk)
Dato Mokhtar bin Hashim & Anor v PP [1983] 2 MLJ 232, MP (dirujuk)
Lai Kim Hon & Ors v Public Prosecutor [1981] 1 MLJ 84, MP (dirujuk)
Mohamed Alias v PP [1983] 2 MLJ 172 (dirujuk)
PP v Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 3) [1999] 2 MLJ 1, MT (dirujuk)
PP v Datuk Haji Harun bin Haji Idris (No 2) [1977] 1 MLJ 15 (dirujuk)
PP v Denish a/l Madhavan [2009] 2 MLJ 194; [2009] 2 CLJ 209, MP (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 s 6B(4)

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah Bil 45–39 & 45 Tahun 2005 (Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur)

Najib bin Zakaria (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak perayu.
Fahri Azad (Azzat & Izzat) bagi pihak responden.

Ahmad Maarop HMR:

[1] Perayu — Azmani bin Che Rose ('Azmani') dituduh di Mahkamah Tinggi dengan dua pertuduhan seperti berikut:

(a) Pertuduhan pertama: (PJ No: 45–39–05) Azmani dituduh mengedar

1,939 gram cannabis pada 24 Jun 2004 lebih kurang jam 9.15 malam di rumah No 32A-2–14, Kelab Le Chateau Lorong Syed Putra Kiri, Kuala Lumpur ('rumah tersebut'), dan

(b) Pertuduhan kedua: (PJ No: 45–45–05) Azmani dituduh menanam pokok cannabis pada jam lebih kurang 9.15 malam 24/6/04 di rumah tersebut.

[2] Kedua-dua pertuduhan tersebut telah dibicarakan bersama-sama dalam satu perbicaraan. Di akhir kes pihak pendakwaan, YA hakim bicara mendapati pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes prima facie bagi kedua-dua pertuduhan tersebut. Beliau telah melepas dan membebaskan Azmani dari kedua-dua pertuduhan tersebut. Pendakwa raya Malaysia telah mengemukakan rayuan ke mahkamah ini.

[3] Fakta-fakta kes ini telah dihuraikan dengan jelas oleh YA hakim bicara dalam penghakimannya. Kami tidak akan mengulanginya.

PERTUDUHAN PERTAMA

[4] Berdasarkan kepada keterangan di hadapannya YA hakim bicara berpuas hati bahawa dua ketulan mampat yang dirampas dari rumah tersebut adalah cannabis seberat 1,939g, iaitu sejenis dadah berbahaya di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB'). Beliau juga berpuas hati bahawa tidak terdapat gap dari rantaian keterangan tentang pergerakan barang kes dadah dalam kes ini. Barang kes berkenaan telah ditandakan oleh pegawai serbuan ('SP5') dan pegawai penyiasat ('SP11'), dan pergerakan barang kes telah dikendalikan dengan baik. Berdasarkan kepada keterangan di hadapannya YA hakim bicara memutuskan bahawa tidak terdapat keraguan bahawa barang kes yang dirampas oleh SP5 adalah barang kes yang dianalisa oleh ahli kimia ('SP10') dan seterusnya dikemukakan di mahkamah.

[5] Persoalan di hadapan YA hakim bicara ialah sama ada pihak pendakwa telah membuktikan bahawa Azmani mempunyai milikan (*possession*) ke atas dadah berbahaya dalam kes ini sebelum persoalan pengedaran dadah tersebut boleh dipertimbangkan.

[6] YA hakim bicara memutuskan bahawa pihak pendakwaan gagal membuktikan bahawa Azmani memiliki dadah tersebut.

[7] Dalam hujahnya di hadapan kami mempertikaikan keputusan YA hakim bicara itu, timbalan pendakwa raya ('TPR') telah menimbulkan satu perkara sahaja, iaitu, bahawa YA hakim bicara telah tersilap apabila beliau mendapati bahawa pihak pendakwa gagal membuktikan Azmani memiliki dadah

tersebut. Sehubungan ini, TPR berhujah bahawa YA hakim bicara tersilap kerana mengasaskan keputusannya itu semata-mata kepada keterangan SP9 yang menurut TPR adalah goyah. TPR menyatakan bahawa walaupun dalam pemeriksaan balas SP9 menyatakan bahawa Halim duduk di bilik bertanda A dalam rajah kasar, Azmani menduduki bilik bertanda B dan Asmadi menduduki bilik C, dalam pemeriksaan semula, SP9 tidak pasti sama ada Halim menduduki bilik A atau Asmadi menduduki bilik C. TPR berhujah bahawa YA hakim bicara sepatutnya telah mengambil kira keterangan pegawai penyiasat (SP11) yang menyatakan bahawa berdasarkan kepada siasatannya hanya Azmani dan SP9 yang tinggal di rumah tersebut. TPR menyatakan bahawa keterangan SP11 dikuatkan lagi oleh keterangan SP7 dan SP8 yang menunjukkan bahawa rumah tersebut disewa oleh Azmani. TPR berhujah bahawa ini menunjukkan bahawa Azmani mempunyai kawalan dan pemilikan rumah tersebut pada masa yang material. TPR juga berhujah bahawa YA hakim bicara gagal menimbangkan fakta bahawa semasa SP11 menjalankan penyiasatannya, Azmani tidak pernah memberitahu SP11 bahawa ada *sub-tenant* bernama Halim dan Asmadi yang tinggal di rumah tersebut. Berdasarkan kepada alasan-alasan yang akan dihuraikan sebentar lagi, kami tidak dapat menerima hujah TPR itu. Pertama tentang pemilikan. Mahkamah Persekutuan menjelaskan bahawa adalah tidak sesuai untuk dinyatakan bahawa pemilikan sesuatu barang dalam undang-undang jenayah bermakna pemilikan eksklusif. Apabila kita bercakap tentang pemilikan di bawah undang-undang, persoalannya adalah sama ada seseorang itu mempunyai pemilikan atau tidak. Hal ini dijelaskan oleh Abdul Aziz Mohamad HMP dalam menyampaikan penghakiman Mahkamah Persekutuan, dalam kes *Public Prosecutor v Denish a/l Madhavan* [2009] 2 MLJ 194 ; [2009] 2 CLJ 209 di ms 217–218:

> It is inappropriate to speak of possession of an article in criminal law as exclusive possession. One is either in possession or not in possession, although one could be in possession jointly with another or others. To say that the prosecution of a drug case fails because there has been no proof of exclusive possession is apt to convey the wrong impression that it is only in cases where possession is entirely with one person, — that is, 'exclusive' — that a conviction is possible. *When the learned trial judge said 'The accused sought to negative the proof of exclusive possession …', we take it that he meant no more than that the respondent sought to show that he was not in possession of the drugs because he had no knowledge of their existence and that the drugs could have been placed in his bags by some other person or persons.*
>
> The idea of exclusivity features in the meaning of 'possession' in criminal law as one of the elements necessary to constitute possession. As Taylor J said in *Leow Nghee Lim v Reg* [1955] 1 LNS 53:
>
> … It is often said that 'possession must be exclusive'. This is ambiguous. *Possession need not be exclusive to the accused.* Two or more persons may be in joint possession of chattels, whether innocent or contraband. *The exclusive element of possession means that the possessor or possessors have the power to exclude other persons from eniovment of the property.*

Custody likewise may be sole or joint and it has the same element of excluding others. The main distinction between custody and possession is that a custodian has not the power of disposal. The statement that 'possession must be exclusive' is often due to confusion of the fact to be proved with the evidence by which it is to be proved. It is essential to keep this distinction clearly in mind, especially when applying presumptions.

Thomson J, in *Chan Pean Leon v Public Prosecutor* [1956] 1 LNS 17, said that 'possession' for the purposes of criminal law involves possession itself — which some authorities term 'custody' or 'control' — and knowledge of the nature of the thing possessed. As to possession itself he cited the following definition in *Stephen's Digest* (9th Ed), at p 304, in which the exclusive element mentioned by Taylor J appears:

A moveable thing is said to be in the possession of a person when he is so situated with respect to it that he has the power to deal with it as owner to the exclusion of all other persons, and when the circumstances are such that he may be presumed to intend to do so in case of need.

Once the elements needed to constitute possession are established, including the element of exclusive power to deal, then what is established is possession, not exclusive possession. So much for exclusive possession. (Penekanan ditambah.)

[8] Prinsip seperti yang dihuraikan di atas itulah yang telah digunakan oleh YA hakim dalam penghakimannya apabila beliau menyatakan:

Hanya dengan membukti dadah dijumpai di rumah OKT dan orang yang berada dalam rumah itu semasa kejadian tidak tahu kewujudan dadah di rumah tersebut tidak dengan sendirinya membuktikan bahawa OKT mempunyai milikan atas dadah tersebut. *Perlu ada keterangan lanjut bagi membukti OKT mempunyai jagaan atau kawalan 'eklusif dalam erti kata OKT mempunyai kuasa untuk mengetepikan orang lain dari berurusan dengan dadah tersebut* (lihat *Leow Nghee Lim v R* [1956] MLJ 28 dan juga keputusan Mahkamah Agung dalam *Choo Yoke Choy v Public Prosecutor* [1992] MLJ 632, dan keputusan Ian Chin J dalam *Public Prosecutor v Ho Shui Ngen* [1995] 4 MLJ 758).

Dengan lain perkataan perlu ada keterangan atau keadaan yang dapat mengetepikan sebarang kemungkinan dadah yang dirampas dalam rumah bukan dimiliki OKT tetapi dimiliki oleh orang lain. Ini boleh dibuktikan dengan membawa keterangan bagi mengetepikan sebarang kemungkinan ada orang lain yang mempunyai akses kepada rumah dan bilik di mana dadah dijumpai.

Dalam kes ini pendakwa bukan sekadar gagal menunjukkan bahawa tidak ada kemungkinan orang lain mempunyai akses kepada rumah tersebut, tetapi yang memburukkan lagi adalah terdapat keterangan dari SP9 yang dengan jelas menunjukkan rumah di mana dadah dijumpai bukan hanya didiami oleh OKT tetapi juga didiami oleh dua orang lain iaitu Mahdi dan Halim. Malah ikut keterangan SP9 bilik bertanda A dalam P13 di mana dadah yang menjadi asas tuduhan pertama dijumpai bukan didiami oleh OKT tetapi oleh Halim. Kedua-dua penghuni rumah ini bukan sekadar tidak dipanggil memberi keterangan tetapi juga tidak ada siasatan atas mereka dijalankan.

[9] Beralih kepada keterangan dalam kes ini, pada hemat kami keterangan SP11 tidak membantu kes pihak pendakwaan dalam membuktikan pertuduhan terhadap Azmani. TPR telah merujuk kepada keterangan SP11 dalam pemeriksaan semula bahawa sepanjang siasatannya ke atas Azmani, Azmani tidak pernah memberitahu nama-nama itu (iaitu Halim dan Madi) kepadanya. TPR mengatakan bahawa YA hakim bicara telah tidak mengambil kira keterangan tersebut. Bagi kami hujah TPR itu meleset. Azmani tidak ada obligasi untuk membuat pendedahan tersebut. Azmani berhak berdiam diri. Mungkin kegagalan Azmani membuat pendedahan tersebut akan menjejaskan berat keterangannya apabila dia memberikan jika tiba masanya nanti, tetapi *inference of guilt* tidak boleh dibuat terhadapnya kerana tidak membuat pendedahan tersebut (lihat *Alcontara a/l Ambross Anthony v Public Prosecutor* [1996] 1 MLJ 209). Pada hemat kami, keterangan yang lebih penting ialah keterangan SP9. Semasa SP5 dan pasukan polis di rumah tersebut, SP9, pemandu peribadi yang telah bekerja dengan Azmani dua bulan sebelum hari kejadian, sedang tidur di atas sofa di ruang tamu. Menurut SP9, dalam dua bulan dia bekerja dengan Azmani dia ada datang ke rumah tersebut sekali sekala pada waktu malam apabila hendak pergi ke *outstation*. SP9 tidak tidur dalam mana-mana bilik rumah tersebut. Dia juga tidak pernah masuk ke dalam mana-mana bilik rumah tersebut. SP9 menyatakan pokok-pokok ganja dan dua ketulan mampat ganja yang dirampas di rumah tersebut bukan kepunyaannya. Dalam keterangannya, dengan merujuk kepada rajah kasar rumah tersebut (P13) yang ditunjukkan kepadanya, SP9 menyatakan '… A (merujuk kepada bilik A dalam P13) saya rasa bilik En. Halim bin saya tak tahu. Bilik B, bilik OKT, D ruang tamu. C (P13) saya rasa bilik Madi'. Apabila ditanya bagaimana dia tahu semua itu, SP9 menjawab, 'sebab bila sekali sekala saya tidur di sana, kadang-kadang saya nampak Halim dan Madi, bila tidur masuk ke bilik-bilik tersebut'. SP9 menyatakan dia tidak ada kunci rumah tersebut. Dalam pemeriksaan semula SP9 memberikan keterangan berikut:

> Soalan: Adakah awak pasti Bilik A, bilik Halim?
>
> Jawapan: Saya tidak berapa pasti.
>
> Soalan: Adakah awak pasti bilik C, bilik Madi?
>
> Jawapan: Saya tidak berapa pasti.

[10] Dalam menilai implikasi keterangan SP9 itu adalah penting dipertimbangkan di mana pokok-pokok cannabis dan dua ketulan mampat cannabis ditemui di rumah tersebut. Keterangan menunjukkan bahawa:

(a) satu batang pokok cannabis tertanam dalam satu pasu bunga di hujung sofa di tepi tingkap ruang tamu di tempat bertanda X dalam P13;

(b) satu batang pokok cannabis tertanam dalam satu pasu bunga di tempat bertanda Y dalam P13;

(c) dua batang pokok cannabis tertanam dalam satu pasu bunga dalam bilik bertanda B dalam P13; dan

(d) dua ketulan mampat cannabis ditemui dari bahagian bawah almari pakaian dalam bilik bertanda A dalam P13.

[11] Setelah menilai keterangan SP9 dengan menggunakan ujian yang betul (lihat *Public Prosecutor v Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 3) v Public Prosecutor* [1999] 2 MLJ 1 di ms 79, YA hakim bicara telah menerima keterangan SP9. Selaku hakim bicara beliau berhak berbuat demikian (lihat *Mohamed Alias v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 172, *Public Prosecutor v Datuk Haji Harun bin Haji Idris (No 2)* [1977] 1 MLJ 15, *Lai Kim Hon & Ors v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 84, *Dato Mokhtar bin Hashim & Anor v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232). Kami tidak mempunyai sebarang alasan untuk mengusik dapatan beliau itu. Berdasarkan kepada keterangan SP9, Halim dan Madi bukanlah watak-watak yang timbul dalam angan-angan semata-mata. Walaupun dalam keterangannya dalam pemeriksaan semula, SP9 menyatakan bahawa dia tidak pasti bahawa bilik A adalah bilik Halim dan bilik C adalah bilik Madi, dari keterangan SP9 dalam pemeriksaan balas kemungkinan bahawa bilik A adalah bilik Halim, dan bilik C adalah bilik Madi tidak dapat ditolak. Walaupun Azmani adalah orang yang menyewa rumah tersebut, kemungkinan bahawa bilik A (di mana dua ketulan mampat cannabis ditemui) adalah bilik Halim atau sekurang-kurangnya bilik yang Halim mempunyai akses tidak dapat ditolak. Dalam keadaan yang sedemikian itu, timbul keraguan yang munasabah sama ada Halim (bukan Azmani) yang mempunyai kuasa untuk mengenepikan orang lain dari berurusan dengan dua ketulan mampat ganja tersebut. Ertinya, terdapat keraguan yang munasabah sama ada Azmani memiliki dadah tersebut. Oleh kerana terdapat keraguan yang munasabah dalam kes pihak pendakwaan sendiri maka satu kes prima facie telah gagal dibuktikan oleh pihak pendakwaan (lihat *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85).

[12] Dalam penghakiman kami, YA hakim bicara telah membuat keputusan yang betul dalam melepas dan membebaskan Azmani dari tuduhan pertama tanpa memanggilnya untuk membela diri.

PERTUDUHAN KEDUA

[13] Bagi pertuduhan ini YA hakim bicara berpuas hati bahawa:

(a) empat batang pokok yang ditemui tertanam dalam pasu-pasu di rumah tersebut adalah pokok cannabis; dan

(b) pokok-pokok yang dirampas di rumah tersebut adalah pokok-pokok yang dianalisa oleh SP10 dan kemudiannya dikemukakan di mahkamah.

[14] Persoalan untuk pertimbangan mahkamah ialah sama ada pokok-pokok cannabis tersebut ditanam oleh Azmani? A

[15] Tiada terdapat sebarang keterangan secara langsung untuk membuktikan bahawa Azmani telah menanam pokok-pokok cannabis tersebut. Pihak pendakwaan bergantung kepada anggapan di bawah s 6B(4) ADB yang memperuntukkan: B

> Any person found on land or who occupies land on which, or any person found in possession of any receptacle in which, any plant, from which raw opium, coca leaves, poppy-straw or cannabis may be obtained either directly or indirectly, is planted or cultivated shall be presumed, until the contrary is proved, to be the person who planted or cultivated such plant. C

[16] Di bawah seksyen tersebut, terdapat dua situasi yang menimbulkan anggapan penanaman pokok cannabis. Pertama, orang yang ditemui atas tanah, atau menduduki tanah di mana-mana pokok cannabis ditanam hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, sebagai orang yang menanam pokok cannabis berkenaan. Kedua, orang yang didapati memiliki sebarang bekas yang di dalamnya ditanam pokok cannabis, hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, sebagai orang yang menanam pokok cannabis itu. YA hakim bicara memutuskan bahawa anggapan pertama di bawah seksyen tersebut tidak terpakai. Beliau menyatakan: D E

> Meneliti seksyen ini saya dapati keadaan pertama seksyen ini tidak terpakai dalam kes ini. Walaupun bawah National Land Code, 'land' termasuk bangunan tetapi susun ayat dalam s 6B(4) ini jelas menunjukkan perkataan 'land' di sini digunakan tidak lebih dan perkataan biasa yang membawa makna tanah biasa yang boleh ditanam dengan tanaman. la bukan bermaksud 'tanah' seperti difahami di bawah National Land Code. Ini bermakna, 'land' di sini tidak termasuk bangunan kondominium seperti dalam ke sini. Interpretasi ini menjadi jelas apabila diambil kira bahawa penggubal undang-undang mendapati perlu untuk memasukkan bahagian kedua dalam seksyen yang sama. Jelas bahagian kedua ini bertujuan meliputi tumbuhan yang tidak ditanam di atas tanah tetapi dalam sebarang bekas dan disimpan di mana-mana bangunan atau tempat. F G

[17] Kami bersetuju dengan beliau. H

I

[18] Tentang anggapan kedua di bawah s 6B(4) itu, persoalan yang timbul adalah sama ada Azmani memiliki pasu-pasu yang tertanam dengan pokok-pokok cannabis tersebut? Dalam kes ini pasu-pasu tersebut ditemui di ruang tamu di tempat X dan Y, dan di bilik B. Ketika SP5 dan pasukan polis menyerbu rumah tersebut hanya SP9 seorang yang ditemui di rumah tersebut — di ruang tamu. Keterangan SP9 menunjukkan bahawa selain Azmani, Halim dan Madi juga duduk di rumah tersebut. Ertinya, dalam keadaan kes ini, selain Azmani dan SP9, Halim dan Madi juga mempunyai akses kepada 2 pasu yang ditanam pokok ganja yang ditemui di ruang tamu. Pasu ketiga yang ditanam pokok ganja ditemui di bilik B. Walaupun bilik B dikatakan oleh SP9 sebagai bilik Azmani, keterangan pegawai serbuan (SP5) menunjukkan bahawa dia dan pasukannya dengan mudah memasuki bilik-bilik dalam rumah tersebut. Tiada keterangan menunjukkan bahawa SP5 dan pasukannya perlu memecahkan mana-mana pintu bilik atau menggunakan kunci untuk membuka pintu mana-mana bilik tersebut sebelum mereka boleh memasuki bilik berkenaan. Ini menunjukkan bahawa bilik-bilik tersebut tidak berkunci. Dalam keadaan yang sedemikian kemungkinan bahawa Halim dan Madi serta SP9 juga mempunyai akses kepada bilik-bilik dalam rumah tersebut termasuk bilik B tidak boleh diketepikan. SP9 telah memberikan keterangan menyatakan bahawa pokok-pokok cannabis tersebut bukan kepunyaannya. Halim dan Madi pula tidak dipanggil untuk menafikan kaitan mereka dengan pokok-pokok cannabis. Dalam keadaan keterangan yang sedemikian itu dengan menggunakan prinsip yang dijelaskan dalam *Public Prosecutor v Dennis a/l Madhavan*, timbul keraguan yang munasabah sama ada Azmani mempunyai kuasa untuk mengenepikan orang lain dari berurusan dengan pokok-pokok cannabis yang ditanam dalam pasu-pasu yang ditemui di rumah tersebut. Ertinya, terdapat keraguan yang munasabah sama ada Azmani mempunyai miiikan pasu-pasu tersebut. Oleh itu anggapan kedua di bawah s 6B(4) ADB tidak boleh digunakan. Dalam penghakiman kami, YA hakim bicara telah membuat keputusan yang betul apabila beliau mendapati bahawa pihak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie bagi tuduhan kedua dan melepas dan membebaskan Azmani.

[19] Rayuan pendakwa raya Malaysia bagi kedua-dua pertuduhan ditolak.

Rayuan kedua-dua pertuduhan ditolak.

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed